



Naib Canselor Terima Anugerah The Name In Science

Universiti Malaysia Perlis (UniMAP) terus melakar kejayaan sepanjang tahun 2013, termasuklah pemberian anugerah dan pengiktirafan kepada Naib Canselor, Datuk Prof. D.r Kamarudin Hussin sebagai salah seorang saintis yang cemerlang di dunia pada abad ke-21.

Beliau menerima anugerah *The Name In Science* dari Dewan Perniagaan Eropah (EBA) sempena Sidang Kemuncak Pemimpin Oxford: Sains dan Pendidikan, yang berakhir pada 19 Disember 2013 di Oxford, United Kingdom. Anugerah ini mengesahkan bahawa namanya akan direkodkan di Daftar Ahli-ahli sains Cemerlang Dunia Abad ke-21.

Datuk Dr. Kamarudin berkata anugerah itu tidak sahaja membuktikan kejayaan peribadi, tetapi juga merupakan kejayaan UniMAP dan Malaysia secara keseluruhannya. Pada majlis itu, UniMAP juga diisytiharkan sebagai pemenang kategori Kampus Terbaik.

